

A close-up photograph of grass blades covered in fine droplets of water, likely dew or fog. The background is a soft, out-of-focus blue and white, suggesting a misty or foggy environment. The lighting is soft and diffused, creating a serene and ethereal atmosphere.


**SEMINAR BAHASA
MELAYU 2023**
NORHAIRIE NORDIN



Kamu ni mesti tak boleh skor dalam BM pasal kamu Omputih kan?



Tolong sikit ye! Cikgu Norhairie ajar saya tau! Mesti A punya!



BAGAIMANAKAH UNTUK KITA BERJAYA?

Kenali diri anda.....



KEJAYAAN

Rahsia kejayaan

Cuba jadikan huruf-huruf abjad A hingga Z sebagai Nombor.

A-1 B-2 C-3 D-4 E-5 F-6 G-7

H-8 I-9 J-10 K-11 L-12 M-13

N-14 O-15 P-16 Q-17 R-18 S-19 T-20

U-21 V-22 W-23 X-24 Y-25 Z-26

ADAKAH ANDA SEORANG YANG?

Knowledge = ?

$$11+14+15+23+12+5+7+4+5 = 96\%$$

Hard work = ?

$$8+1+18+4+23+15+18+11 = 98\%$$

RAHSIA UTAMA ANDA!!!

ATTITUDE

$$1 + 20 + 20 + 9 + 20 + 21 + 4 + 5 = 100\%$$

Mengapakah kita boleh berjaya?



**FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU (1103)**

BIL	PERKARA	KERTAS 1 (1103/1)	KERTAS 2 (1103/2)	KERTAS 3 (1103/3)	KERTAS 4 (1103/4)
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis		Ujian Bertutur	Ujian Mendengar (Pentaksiran Pusat)
2	Jenis Item	<ul style="list-style-type: none"> • Subjektif Respons Terhad • Subjektif Respons Terbuka 	<ul style="list-style-type: none"> • Subjektif Respons Terhad • Subjektif Respons Terbuka 	<ul style="list-style-type: none"> • Subjektif Respons Terhad • Subjektif Respons Terbuka 	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif Aneka Pilihan • Objektif Pelbagai Bentuk • Subjektif Respons Terhad
3	Bilangan Soalan	<p>Bahagian A 1 soalan – kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan (30 markah)</p> <p>Bahagian B 4 Soalan (Jawab 1 soalan) (70 markah)</p>	<p>Bahagian A – Sistem dan Aplikasi Bahasa 5 soalan (35 markah)</p> <p>Bahagian B – Pemahaman 3 soalan (35 markah)</p> <p>Bahagian C – Rumusan 1 soalan (30 markah)</p> <p>Jumlah : 9 soalan (Jawab semua soalan)</p>	<p>Bahagian A – Individu</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 petikan/bahan rangsangan • bersoal jawab dengan pentaksir (40 markah) <p>Bahagian B – Kumpulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 tajuk daripada 8 tema umum untuk perbincangan • perbincangan dalam kumpulan 4 – 5 orang calon (30 markah) 	<ul style="list-style-type: none"> • 4 – 6 petikan • Mengandungi 20 hingga 25 soalan <p>(Jawab semua soalan) (30 markah)</p>
4	Jumlah Markah	100 markah	100 markah	70 markah	30 markah
5	Konstruk	Kemahiran menulis: <ul style="list-style-type: none"> • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta 	Kemahiran membaca: <ul style="list-style-type: none"> • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta 	Kemahiran bertutur dan mendengar: <ul style="list-style-type: none"> • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai 	Kemahiran mendengar: <ul style="list-style-type: none"> • Memahami • Mengaplikasi
		<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan sistem bahasa • Nilai 			
6	Tempoh Ujian	2 jam	2 jam 30 minit	Individu: 3 hingga 5 minit Kumpulan: 12 hingga 15 minit	30 minit
7	Cakupan Konteks	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM			
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2			
9	Kaedah Penskoran	Holistik	<ul style="list-style-type: none"> • Analitik • Holistik 	<ul style="list-style-type: none"> • Analitik • Holistik 	<ul style="list-style-type: none"> • Dikotomus • Analitik



PENULISAN

LANGKAH TERBAIK DALAM MENJAWAB SOALAN KAEANGAN.

ANALISIS bahagian B

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Data Bank Dunia menunjukkan sejumlah 70 daripada 336 spesies mamalia dikategorikan terancam di Malaysia. Antara binatang yang sedang diancam kepupusan tahap kritikal di Malaysia ialah harimau Malaya, badak Sumatera, tenggiling, penyu, orang utan, gajah Borneo, dan tapir. Fenomena ini menjadi satu cabaran yang paling getir berkaitan kelestarian pemuliharaan hidupan liar dan menjadi isu yang tidak berkesudahan kerana sikap sesetengah pihak yang tidak peduli, mementingkan keuntungan dan kelemahan penguatkuasaan undang-undang.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Sinar Harian, 28 Januari 2020

Sebagai respons petikan di atas, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan.

Bincangkan.

Fokus Soalan

Sebagai respons petikan di atas, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan.

Bincangkan.

RANCANG UNTUK MENJAWAB KARANGAN



TEKNIK TKF

- Tema
 - Objektif/ Motif Soalan
- Kata kunci
 - Isi – isi penting
- Format
 - Bentuk soalan

Fokus Soalan

Sebagai respons petikan di atas, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan.

Bincangkan.

Fokus Soalan

Sebagai respons petikan di atas, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan.

Bincangkan.

Teknik TKF

Tema

- **Hidupan liar**

Kata kunci



- **Punca** yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan

Format

- **Perbincangan (Fakta)**

Ciri-ciri pendahuluan yang baik

- I. Mudah dan ringkas, sesuai dengan topik yang diberikan
- II. Memfokuskan tema (domain) yang dinyatakan dalam soal
- III. Hanya mengandung dua jenis ayat sahaja
- IV. Jangan tulis sebarang isi atau kata kunci dalam pendahuluan



A close-up photograph of a wood grain, showing concentric, wavy lines in shades of brown, tan, and dark blue. The lines curve from the top left towards the bottom right, creating a sense of depth and texture.

Jenis ayat dalam pendahuluan

Mengenal pasti cara terbaik dalam memulakan karangan.

Jenis Ayat

1. Ayat Rangsangan

2. Ayat Arahan

Ayat Rangsangan



- I. Jenis definisi
- II. Jenis pendapat
- III. Jenis situasi dan isu semasa
- IV. Jenis persoalan
- V. Jenis peribahasa

Ayat Arahkan

I. Jenis persoalan

II. Jenis penyata

Teknik TKF

PENDAHULUAN

Tema

- Hidupan liar

Kata kunci

- Punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan

Format

- Perbincangan (Fakta)

The background of the slide is a close-up photograph of tree bark, showing various shades of brown and orange with deep, vertical fissures. A white rectangular box is centered on the page, containing the title and author information.

Contoh-contoh Ayat Rangsangan

Norhairie Nordin

Ayat Rangsangan

JENIS DEFINISI • memberikan takrif • makna • definisi

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 telah mendefinisikan hidupan liar sebagai spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak.

Ayat Rangsangan

JENIS SITUASI – *menggambarkan sesuatu melalui situasi semasa pada zaman ini*

Di Malaysia, terdapat banyak spesies yang unik menjadikan negara ini sebagai habitat semula jadi mereka memandangkan muka bumi di sini beriklimkan tropika lantaran memiliki hutan hujan yang tebal serta laut yang tidak terlalu dalam.

Ayat Rangsangan

JENIS PERSOALAN – *mengemukakan beberapa ayat tanya yang berkaitan dengan tajuk*

Dalam menghadapi kemelut kepupusan hidupan liar di Malaysia yang tiada bertepi ini, siapakah yang harus dipertanggungjawabkan lantaran masing-masing berselindung di sebalik telunjuk?

Sesuaikah jika kita menulis karangan menggunakan ayat tanya?



Membentuk Ayat Arahan

Norhairie Nordin

Fokus Soalan

Sebagai respons petikan di atas, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan.

Bincangkan.

Ayat Arahkan

JENIS PERSOALAN – *mengemukakan beberapa ayat tanya yang berkaitan dengan tajuk*

Persoalannya, apakah sebenarnya punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan?

Ayat Arahkan

JENIS PENYATA – *mengulang semula soalan yang berkaitan dengan tajuk karangan*

Berfokuskan isu tersebut, kita haruslah mengenal pasti
punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan
hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan.

Contoh Pendahuluan

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 telah mendefinisikan hidupan liar sebagai spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak. Di Malaysia, terdapat banyak spesies yang unik menjadikan negara ini sebagai habitat semula jadi mereka memandangkan muka bumi di sini beriklimkan tropika lantaran memiliki hutan hujan yang tebal serta laut yang tidak terlalu dalam. Dalam menghadapi kemelut kepupusan hidupan liar di Malaysia yang tiada bertepi ini, siapakah yang harus dipertanggungjawabkan lantaran masing-masing berselindung di sebalik telunjuk? Persoalannya, apakah sebenarnya punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan?

PENULISAN ISI

Norhairie Nordin

MERENCANAKAN ISI

- **PUNCA – PUNCA** yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan
1. **Ketamakan manusia mengejar kekayaan dan kemewahan**
 2. **Aktiviti pembukaan kawasan hutan bagi tujuan pertanian dan perternakan**
 3. **Kelemahan penguatkuasaan dalam badan pelaksana**

PENULISAN ISI

- **Konsep penulisan isi yang baik (4 fokus)**
 - 1. Ayat isi/topik – menjelaskan kata kunci berkaitan soalan**
 - 2. Ayat huraian – Menghuraikan isi dipilih secara terperinci. Mempunyai dua ayat iaitu penerangan isi dan perlanjutannya.**
 - 3. Ayat contoh/bukti – Mengukuhkan isi melalui pembuktian secara realistik atau logik. Ayat contoh ini terbahagi kepada dua, iaitu bukti berkaitan isi dan huraianya.**
 - 4. Ayat penegas – Kesimpulan isi yang dipilih dengan menegaskan kesan sama ada positif atau negatif. Perlu disertai peribahasa.**

MERANGKA ISI

- **AYAT ISI**
 - **HURAIAN**
 - **CONTOH**
 - **PENEGAS**
- **Ketamakan manusia mengejar kekayaan dan kemewahan**
 - **Meneroka kawasan habitat haiwan sewenang-wenangnya tanpa mengikut undang-undang**
 - **Kes-kes pembalakan haram dan perburuan haram yang semakin menjadi-jadi**
 - **Jangan sampai nanti spesies haiwan kepupusan – sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna**



imgflip.com

MERANGKA ISI – BAHAGIAN B

- **AYAT ISI**
 - **HURAIAN**
 - **LANJUTAN**
 - **CONTOH**
 - **HURAIAN**
 - **PENEGAS**
- Ketamakan manusia mengejar kekayaan dan kemewahan
 - Meneroka kawasan habitat haiwan sewenang-wenangnya tanpa mengikut undang-undang
 - Kawasan hutan kian mengecil dari tahun ke tahun
 - Kes-kes pembalakan haram dan perburuan haram yang semakin menjadi-jadi
 - Hidupan liar semakin diancam hingga bilangan semakin sedikit
 - Jangan sampai nanti spesies haiwan kepupusan – sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna



KESINAMBUNGAN AYAT

Kelemahan pelajar dalam penulisan karangan

- **Olahan ayat** yang KURANG baik
- **Tiada kesinambungan** dalam perenggan bagi setiap ayat ditulis

PENANDA WACANA

**Salah satunya,
Dalam konteks
ini,
Lebih-lebih lagi,
Sebagai
contohnya,
Secara tidak
langsung,
Pendek kata,**

- Ketamakan manusia mengejar kekayaan dan kemewahan
- Meneroka kawasan habitat haiwan sewenang-wenangnya tanpa mengikut undang-undang
- Kawasan hutan kian mengecil dari tahun ke tahun
- Kes-kes pembalakan haram dan perburuan haram yang semakin menjadi-jadi
- Hidupan liar semakin diancam hingga bilangan semakin sedikit
- Jangan sampai nanti spesies haiwan kepupusan – sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

Cadangan penanda wacana yang lain

- **AYAT ISI**
 - **HURAIAN**
 - **LANJUTAN**
 - **CONTOH**
 - **HURAIAN**
 - **PENEGAS**
- **Selain itu, Seterusnya, Di samping itu, Selanjutnya, Berikutnya, Akhir sekali**
 - **Hal ini demikian kerana.., Secara umumnya, Tidak syak lagi, Tidak dapat dinafikan bahawa...**
 - **Tambahan pula, Malar-malar, Sementelahan pula,**
 - **Misalannya, Buktinya, Secara Analoginya, Tamsilnya**
 - **Justeru, Sebagai akibatnya, Oleh yang demikian,**
 - **Pokok pangkalnya, Tuntasnya, Natijahnya, Sebagai rumusannya, Konklusinya, Jelaslah bahawa...**

Melengkapkan ayat (klausa yang baik)

Klausa – Subjek + Predikat

Pembentukan ayat –

- Penanda Wacana + **Subjek + Predikat** + Keterangan

Ayat Isi – Pengenalan Kata Kunci

- Ketamakan manusia mengejar kekayaan dan kemewahan
- **Salah satunya, ketamakan manusia mengejar kekayaan dan kemewahan telah menyebabkan krisis yang mengancam hidupan liar terus berleluasa.**

Ayat Huraian – Penerangan Kata Kunci pilihan pelajar

- Meneroka kawasan habitat haiwan sewenang-wenangnya tanpa mengikut undang-undang
- Dalam konteks ini, golongan yang tidak berhati perut ini telah meneroka kawasan habitat haiwan sewenang-wenangnya tanpa mengikut undang-undang demi memenuhi saku mereka.

Ayat Lanjutan – Memperjelas huraian secara lebih lanjut

- Kawasan hutan kian mengecil dari tahun ke tahun
- **Lebih-lebih lagi, kawasan hutan di negara ini kian mengecil dari tahun ke tahun dan tidak mustahil khazanah alam ini gondol ditarah jika pihak berwajib masih terus membisu.**

Ayat Contoh – Pembuktian Kata Kunci

- Kes-kes pembalakan haram dan perburuan haram yang semakin menjadi-jadi
- **Sebagai contohnya, kes-kes pembalakan haram dan perburuan haram yang semakin menjadi-jadi merupakan bukti kehalobaan kelompok keji tersebut untuk melombong warisan asli tanah air.**

Ayat Huraian Contoh – Menerangkan bukti mengikut logik/fakta

- **Hidupan liar semakin diancam hingga bilangan semakin sedikit**
- **Secara tidak langsung, fauna dan mergastua semakin lama semakin diancam hingga bilangan makhluk ciptaan Tuhan kian sedikit sehinggalah suatu ketika nanti, anak-anak muda akan datang hanya mampu menatapnya pada buku-buku sahaja kerana tinggal kenangan.**

Ayat Penegas – Rumusan Kata Kunci

- Jangan sampai kehilangan mereka – sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
- **Pendek kata**, jangan sampai nanti spesies unik haiwan liar di Malaysia telah kepupusan, barulah masing-masing membuka mata tetapi ketika itu sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Perenggan lengkap

Salah satunya, ketamakan manusia mengejar kekayaan dan kemewahan telah menyebabkan krisis yang mengancam hidupan liar terus berleluasa. Dalam konteks ini, golongan yang tidak berhati perut ini telah meneroka kawasan habitat haiwan sewenang-wenangnya tanpa mengikut undang-undang demi memenuhkan saku mereka. Lebih-lebih lagi, kawasan hutan di negara ini kian mengecil dari tahun ke tahun dan tidak mustahil khazanah alam ini gondola ditarah jika pihak berwajib masih terus membisu. Sebagai contohnya, kes-kes pembalakan haram dan perburuan haram yang semakin menjadi-jadi merupakan bukti kehalobaan kelompok keji tersebut untuk melombong warisan asli tanah air. Secara tidak langsung, fauna dan mergastua semakin lama semakin diancam hingga bilangan makhluk ciptaan Tuhan kian sedikit sehinggalah suatu ketika nanti, anak-anak muda akan datang hanya mampu menatapnya di buku-buku sahaja kerana tinggal kenangan. Pendek kata, jangan sampai nanti spesies unik haiwan liar di Malaysia telah kepupusan, barulah masing-masing membuka mata tetapi ketika itu sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

TUNGGU SEBENTAR!!



My Pokemon can't stop laughing!
You are wrong!

imgflip.com

Karangan Huraian vs Perbincangan

- **Karangan Huraian – Penghuraian melalui fakta dan logik – artikel**
- **Karangan perbincangan – Menerangkan kata kunci dengan melibatkan kata ganti pertama mewakili sesebuah kumpulan manusia – “KITA”**

Contoh isi fakta - huraian

Salah satunya, ketamakan manusia mengejar kekayaan dan kemewahan telah menyebabkan krisis yang mengancam hidupan liar terus berleluasa. Dalam konteks ini, golongan yang tidak berhati perut ini telah meneroka kawasan habitat haiwan sewenang-wenangnya tanpa mengikut undang-undang demi memenuhkan saku mereka. Lebih-lebih lagi, kawasan hutan di negara ini kian mengecil dari tahun ke tahun dan tidak mustahil khazanah alam ini gondol ditarah jika pihak berwajib masih terus membisu. Sebagai contohnya, kes-kes pembalakan haram dan perburuan haram yang semakin menjadi-jadi merupakan bukti kehalobaan kelompok keji tersebut untuk melombong warisan asli tanah air. Secara tidak langsung, fauna dan mergastua semakin lama semakin diancam hingga bilangan makhluk ciptaan Tuhan kian sedikit sehinggalah suatu ketika nanti, anak-anak muda akan datang hanya mampu menatapnya pada buku-buku sahaja kerana tinggal kenangan. Pendek kata, jangan sampai nanti spesies unik haiwan liar di Malaysia telah kepupusan, barulah masing-masing membuka mata tetapi ketika itu sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Contoh isi fakta - perbincangan

Salah satunya, ketamakan **segelintir daripada kita** yang mengejar kekayaan dan kemewahan telah menyebabkan krisis yang mengancam hidupan liar terus berleluasa. Dalam konteks ini, golongan yang tidak berhati perut ini telah meneroka kawasan habitat haiwan sewenang-wenangnya tanpa mengikut undang-undang demi memenuhkan saku mereka. Lebih-lebih lagi, kawasan hutan di negara **kita** kian mengecil dari tahun ke tahun dan tidak mustahil khazanah alam ini gondol ditarah jika pihak berwajib masih terus membisu. Sebagai contohnya, kes-kes pembalakan haram dan perburuan haram yang semakin menjadi-jadi merupakan bukti kehalobaan kelompok keji tersebut untuk melombong warisan asli tanah air **kita**. Secara tidak langsung, fauna dan mergastua semakin lama semakin diancam hingga bilangan makhluk ciptaan Tuhan kian sedikit sehinggalah suatu ketika nanti, anak-anak muda **kita** akan datang hanya mampu menatapnya pada buku-buku sahaja kerana tinggal kenangan. Pendek kata, jangan sampai nanti spesies unik haiwan liar di Malaysia telah kepupusan, barulah **kita** membuka mata tetapi ketika itu sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

MERANGKA ISI

- **AYAT ISI**
 - **HURAIAN**
 - **CONTOH**
 - **PENEGAS**
- **Aktiviti pembukaan kawasan hutan bagi tujuan pertanian dan perternakan**
 - **Menganggap pertanian merupakan perkara yang baik kepada alam, tetapi sebaliknya**
 - **Habitat semulajadi haiwan terancam kerana kehilangan sumber makanan**
 - **Haiwan liar terpaksa dibunuh kerana menceroboh kawasan pertanian – ditelan mati emak, diluah mati bapa**

MERANGKA ISI

- **AYAT ISI**
 - **HURAIAN**
 - **CONTOH**
 - **PENEGAS**
- Kelemahan penguatkuasaan dalam badan pelaksana
 - Kurangnya kerjasama antara pihak berkuasa dengan masyarakat
 - Tindakan lambat kerana tiada maklumat atau aduan diajukan
 - Menyediakan satu talian khas bagi memudahkan komuniti berhubung – Bagai aur dengan tebing

PENUTUP DALAM KARANGAN

Norhairie Nordin

PENUTUP KARANGAN

- **Terdapat 3 jenis ayat penting**
 1. Ayat kesimpulan – 2 unsur
 2. Ayat peribahasa (Sesuai dengan petikan)
 3. Ayat harapan/ berkaitan dengan isu semasa

AYAT kesimpulan – 2 unsur


- **Ayat kesimpulan mempunyai dua unsur**
 1. Unsur satu ialah Kesimpulan kata kunci dan tema dengan mengaitkan isu dibincangkan terhadap pihak yang bertanggungjawab
 2. Unsur dua ialah kesan atau akibat (positif/negatif) daripada Tindakan yang diambil berkaitan isu dibincangkan

Teknik TKF

Tema

- Hidupan liar 

Kata kunci

- Punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan 

Format

**WAJIB ADA DALAM
PENUTUP**

UNSUR satu - Kesimpulan

- WAJIB ADA 'TEMA' DALAM AYAT INI -
Hidupan liar
- KAITKAN PIHAK BERKENAAN – Pihak
kerajaan
- DALAM BENTUK PENGAJARAN – hendaklah,
mestilah, perlulah

CONTOH UNSUR 1

- Pihak kerajaan melalui agensi-agensinya bertanggungjawab dalam melestarikan pemuliharaan hidupan liar di nusa kita

Unsur dua - Kesimpulan

- kesan atau akibat (positif/negatif) daripada tindakan
- Disambung melalui kata hubung pancangan – agar, supaya, demi, untuk
- Pastikan ayat ini mudah untuk dikaitkan dengan peribahasa (ayat kedua)

Contoh unsur 2

- Agar dapat diwarisi oleh generasi masa hadapan sampai bila-bila.

MELENGKAPKAN AYAT KESIMPULAN

- Menggabungkan dua unsur ayat ini
- Memulakan ayat ini dengan penanda wacana (PENEGAS)
- Cadangan PENANDA WACANA
 - Sudah terang lagi bersuluh
 - Bulan semakin terang, bayang kian jelas

CONTOH AYAT KESIMPULAN

- **Sudah terang lagi bersuluh,** pihak kerajaan melalui agensi-agensi berwajib seyogianya bertanggungjawab dalam melestarikan pemuliharaan hidupan liar di nusa kita agar dapat diwarisi oleh generasi masa hadapan sampai bila-bila.

AYAT PERIBAHASA YANG BERKAITAN

- Sangat penting bagi meningkatkan impresi guru tentang karangan pelajar
- Perlu dirancang dan dikaitkan dengan ayat kesimpulan unsur 2
- Kata kunci peribahasa kita – sampai bila-bila
- **Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan.**

CONTOH AYAT PERIBAHASA

- Situasi sedemikian sesuailah untuk kita kaitkan dengan kata-kata orang terdahulu, tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan .

AYAT HARAPAN



- Mengaitkan topik perbincangan dengan usaha dan polisi kerajaan yang terkini
- Memfokuskan kempen yang dilancarkan oleh kerajaan
- Contoh isu terkini – Malaysia madani

MALAYSIA MADANI

- Malaysia MADANI merupakan suatu **ikhtiar** secara bersepadu dan **holistik** untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih **manusiawi** yang sentiasa ditambah baik menerusi **musyawarah** dan **maklum balas rakyat**.



ENAM RUKUN MALAYSIA MADANI



KEMAMPANAN




KESEJAHTERAAN



DAYA CIPTA



HORMAT



KEYAKINAN



IHSAN

MADANI bermaksud maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan masyarakat, generasi dan sebagainya) usaha untuk membentuk masyarakat - dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan. Manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.

CONTOH AYAT HARAPAN

- Dengan ini, kita mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk memupuk masyarakat yang memapankan alam sekitar sesuai dengan kempen yang diwara-warakan baru-baru ini, 'Malaysia madani'.

Contoh Penutup penuh

Sudah terang lagi bersuluh, pihak kerajaan melalui agensi-agensi berwajib seyogianya bertanggungjawab dalam melestarikan pemuliharaan hidupan liar di nusa kita agar dapat diwarisi oleh generasi masa hadapan sampai bila-bila. Situasi sedemikian sesuai untuk kita kaitkan dengan kata-kata orang terdahulu, tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan. Dengan ini, kita mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk memupuk masyarakat yang memapankan alam sekitar sesuai dengan kempen yang diwara-warakan baru-baru ini, 'Malaysia madani'.

BAHAGIAN A vs BAHAGIAN B

- **Pendahuluan**
 - **BAHAGIAN A (3 ayat)**
 - **Bahagian B (3 – 5 Ayat)**
- **Isi**
 - **Bahagian A (4 Ayat – asas isi)**
 - **Bahagian B (6 AYAT – asas + Lanjutan + Huraian contoh)**
- **Penutup**
 - **BAHAGIAN A - Hanya wajib ada kesimpulan**
 - **BHG B - 3 Komponen – kesimpulan/peribahasa/harapan**

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka (70 Markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<p><u>Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Karangan menjawab tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Idea relevan mengikut tugasan.• Huraian jelas dan matang.• Contoh yang sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis.• Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat.• Penggunaan kosa kata luas dan tepat.• Ejaan dan tanda baca yang betul.• Penggunaan unsur bahasa bervariasi.• Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat.• Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Pengolahan sangat menarik dan berkesan.• Pemerenggan yang sesuai.
		<ul style="list-style-type: none">• Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.• Laras bahasa sesuai mengikut tugasan.

<p>Kepujian</p>	<p>55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)</p>	<p><u>Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
------------------------	---	--

<p>Baik</p>	<p>45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <u>Tugasan</u> • Karangan masih menjawab tugas. • <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. • <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca yang masih betul.
		<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.

Soalan TEKA TEKI!

Kes Penyiasatan :

Suatu pembunuhan telah berlaku di sebuah vila. Seorang penyiasat telah dipanggil dan terdapat tiga orang suspek.

Suspek :



Suspek A
Seorang guru



Suspek B
Seorang
kerani



Suspek C
Seorang
pegawai

Setelah mencari bukti.....



***Saya sudah
tahu siapakah
pembunuhnya!***

**Pembunuhnya
adalah suspek C!**


Tiba-tiba suspek A kata.....



Salah! Awak salah!

KENAPA?

Suspek A ialah guru Bahasa Melayu...



Tatabahasa
awak salah!
Pembunuhnya
ialah suspek C!

Fokus Jawapan




- **Pembunuhnya adalah suspek C!**
- **Adalah tidak boleh digunakan untuk merujuk kata nama....**

A close-up portrait of Dwayne 'The Rock' Johnson. He has a serious, intense expression, looking directly at the camera. His hands are clasped together in front of his chest. The background is dark and out of focus.

GREAT JOB!

YOU ROCK!



**KUASA
MINDA!**



IAN THORPE



THORPE-DO

Adakah kita boleh berjaya?



Hubungi Saya!

🔗 Blog saya :

<http://hairiebmtutor.wordpress.com/>

🔗 Group : Kelab Bahasa Melayu – Hairie



Norhairie Nordin



012-3387287

Norhairie Nordin

- Norhairie Nordin sebagai Penceramah
 - Norhairie Nordin sebagai Watak A
 - Norhairie Nordin sebagai Watak B

- **Penulis Skrip**

- Norhairie Nordin la

- **Pelakon layar/Seni Khas**

- Norhairie Nordin lagi

- **Editor**

- Norhairie Nordin jer

